

09 SEP 1998

Dewan-Mahathir

DEWAN MELAKA LULUS USUL TERGEMPAR SOKONG DR MAHATHIR

MELAKA, 9 Sept (Bernama) -- Dewan Undangan Negeri Melaka hari ini meluluskan usul tergempar menyokong penuh kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi menangani isu-isu semasa.

Usul yang dibawa oleh Ketua Menteri Datuk Seri Abu Zahar Isnin (BN-Merlimau) itu berbunyi: "Bahawa Dewan yang mulia ini mengambil ketetapan bahawa Kerajaan Negeri menyokong penuh kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia dalam menangani isu-isu semasa yang melibatkan aspek ekonomi, politik dan keselamatan negara."

Usul itu disokong oleh Datuk Gan Boon Leong (BN-Duyong) dan diluluskan dengan suara majoriti oleh 21 anggota Dewan Undangan Negeri dari Barisan Nasional (BN) selepas perbahasan yang turut disertai oleh Ketua Pembangkang Sim Tong Him (DAP-Bandar Hilir).

Semasa pembentangan usul, Abu Zahar berkata dengan kebijaksanaan pentadbiran negara di bawah pimpinan Dr Mahathir, kerajaan masih lagi mampu bertahan berbanding dengan kebanyakan negara lain yang hampir nazak keadaan ekonomi mereka.

"Kita tidak perlu memohon pinjaman dari luar dan tindakan kita sebenarnya adalah mengikut acuan kita sendiri dan bukannya orang lain," kata Abu Zahar.

Abu Zahar berkata cadangan Perdana Menteri supaya diadakan kawalan ketat dalam pengurusan kewangan antarabangsa sudah mula mendapat perhatian memberangsangkan oleh para pelabur ekonomi dunia.

Ini termasuk langkah menetapkan nilai pertukaran ringgit oleh kerajaan dan bukannya oleh kuasa pasaran serta memutuskan ringgit tidak sah diperlakukan di luar negara dan semua ringgit di luar pesisir perlu dibawa masuk ke dalam negara sebelum 1 Okt ini.

Mengenai tindakan Dr Mahathir melucutkan jawatan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri, Abu Zahar berkata tindakan itu pasti sesuatu yang amat sukar dan tentunya dengan mengambil kira akan pelbagai kepentingan negara.

"Sudah pasti Perdana Menteri telah menghidu sesuatu yang tidak baik akan berlaku sekiranya beliau tidak mengambil tindakan tegas terhadap soal perilaku yang tercabar itu.

"Bahawasanya soal salah laku moral tidak boleh dipandang enteng dalam membuktikan imej kebersihan pentadbiran negara dan ianya bukan sesuatu yang boleh dilalui secara bertolak-ansur," katanya.

Abu Zahar berkata keutamaan sebenar ialah menyatu-padukan masyarakat dengan pengukuhan ekonomi dan bukannya bertelagah pendapat dan ideologi.

Gan pula berkata Dr Mahathir sepanjang 17 tahun kepimpinannya berjaya menunjukkan keperibadian yang mulia, bermaruah dan bermoral tinggi.

"Pada masa yang sama Perdana Menteri berpegang teguh kepada prinsip 'Bersih, Cekap dan Amanah' dan kita mesti bersedia berganding bahu bagi mempertahankan institusi Perdana Menteri daripada sebarang ancaman," kata Gan.

Sim berkata DAP menyokong tindakan Perdana Menteri bagi mengatasi isu-isu kemelut ekonomi sebagaimana yang telah dinyatakan terdahulu.

Bagaimanapun, menurut Sim tindakan Dr Mahathir melucutkan jawatan Anwar perlu diperjelaskan kepada umum dan oleh itu satu sesi khas Parlimen perlu diadakan untuk membincang isu berkenaan.

-- BERNAMA

NO KHY

